

Berita Harian
25/04/16, Isnin.
m/s 14 (Nasional)

Kelantan digesa kawal aktiviti pembalakan

Kuala Lumpur: Kerajaan Kelantan digesa mengawal aktiviti pembalakan bagi mengelak kemusnahan hutan yang akan menyebabkan masyarakat Orang Asli hilang tempat tinggal.

Naib Presiden Persatuan Pencinta Alam Malaysia (MNS), Prof Dr Ahmad Ismail, (gambar) berkata hutan yang musnah memerlukan tempoh lama untuk pulih yang dikhuatiri mendatangkan masalah lebih serius kepada penduduk sekitar.

Beliau menyarankan Kerajaan Pusat dan negeri berbincang bagi mengelakkan masyarakat Orang Asli terus menjadi mangsa.

"Semua hutan semula jadi yang dilindungi tidak boleh dibalak, tapi jika diwartakan untuk dibangunkan, perlulah mengikut prosedur.

"Janganlah aniaya mereka (Orang Asli) lagi. Kerajaan Ke-

lantan sepatutnya belajar daripada peristiwa banjir besar pada 2014," katanya.

Penempatan terjamin

Ahmad turut meminta Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) sentiasa mengutamakan kebajikan masyarakat berkenaan dengan memastikan penempatan dan keperluan mereka terjamin.

Sementara itu, Pensyarah Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya

Dr Sarjit S Gill, berkata nasib Orang Asli perlu dibela kerana sudah terlalu banyak mereka berkorban demi kemajuan dan pembangunan negara.

"Pembangunan yang mahu dilakukan sepatutnya perlu berlandaskan keperluan mereka, bukan mengikut kehendak pihak lain," katanya.

